



MEI-JUN

BILANGAN 03/2023 (15)

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2023



**BICARA PUSTAKAWAN
LITERASI MEDIA SOSIAL**

**KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS
PERWAKILAN PELAJAR SESI 23/24
KAMPUS SHAH ALAM KE PERPUSTAKAAN
UNISEL KAMPUS SHAH ALAM**

Salam Pengarang

PENASIHAT
Hafiz Abdul Rahim
EDITOR
Zairil Azwan Osman
PEREKA GRAFIK
Nor Suhaiza Zainol
PENULIS & JURUFOTO
Pustakawan
Perpustakaan
UNISEL
PENGEDARAN
Unit LSDM

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah
Alam
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-55223596
Emel: zairil@unisel.edu.my

PEMBUKA BICARA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran ketiga pada tahun 2023 (Mei - Jun 2023), Perpustakaan UNISEL serta warga UNISEL yang lain telah menyertai majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran UNISEL di kampus Bestari Jaya dan Shah Alam. Dengan bertemakan warna warni Aidilfitri, suasana majlis sangat meriah dengan hiasan kreatif gerai-gerai makanan. Pada tahun ini Perpustakaan UNISEL telah memenangi pertandingan gerai paling awesome di Kampus Bestari Jaya.

Selain itu, pada setiap semester, Perpustakaan UNISEL mengadakan Program Literasi Maklumat khas untuk para pengguna

perpustakaan. Sambutan pada kali ini amat menggalakkan dengan kerjasama penyiaran dari setiap fakulti yang menggalakkan pelajar untuk mengetahui cara mencari dan memilih bahan rujukan yang disediakan oleh Perpustakaan UNISEL.

Bersempena Hari Raya Aidiladha, pihak Buletin Perpustakaan UNISEL mengucapkan semoga Raya Korban kali ini menjadi medan untuk menyuburkan sifat kasih sayang dan persaudaraan dalam kalangan kita dan kepada yang menyambut Hari Wesak, pihak Buletin Perpustakaan UNISEL mengucapkan Semoga perayaan ini mem-

bawa keamanan, kebahagiaan dan kesejahteraan kepada semua.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN
Editor
zairil@unisel.edu.my

ISI KANDUNGAN

Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 23/24 Kampus Shah Alam ke Perpustakaan Unisel Kampus Shah Alam	1
Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2023	2
BICARA PUSTAKAWAN: Literasi Media Sosial	4
Program Literasi Maklumat	7
Album Pelawat & Lawatan	12
Ulasan Buku	14
E-Resources	15

KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 23/24 KAMPUS SHAH ALAM KE PERPUSTAKAAN UNISEL KAMPUS SHAH ALAM

S Shah Alam, 21 Jun 2023 | Pertemuan yang antara juga Majlis Perwakilan Pelajar UNISEL sesi 2023/2024 dan Perpustakaan telah berlangsung dengan jayanya melalui sesi yang dinamakan “Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2023/2024 Ke Perpustakaan UNISEL”

Perbincangan dua hala lebih tertumpu pada perkhidmatan dan kemudahan kepada pelajar. Perpustakaan komited dalam memastikan kemudahan dan perkhidmatan yang sebaiknya dapat diberikan kepada para pelajar.



SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2023



Universiti Selangor (UNISEL) telah mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2023 bertempat di Dewan Canselor, Kampus Bestari Jaya pada 10 May 2023. Sebanyak 11 gerai makanan melibatkan penyertaan daripada jabatan dan fakulti yang menyediakan pelbagai hidangan seperti kambing bakar, nasi minyak, laksa, kuih muih, ketupat rendang dan pelbagai lagi. Menariknya tahun ini Sambutan Majlis Aidilfitri disambut di kedua-dua buah kampus. Di kampus Shah Alam telah diadakan pada 9 May 2023 bertempat di Dewan Pro Canselor.

Perpustakaan UNISEL juga terlibat dalam penyediaan gerai makanan untuk santapan para tetamu. Pada kali ini, Perpustakaan UNISEL menyediakan juadah makanan iaitu lemang, rendang ayam dan rendang daging. Sambutan yang

telah berlangsung ini merupakan jamuan untuk meraikan kakitangan di kampus Bestari Jaya dan Shah Alam. Turut berlangsung, pertandingan gerai paling awesome, pertandingan sambung lirik lagu hari raya dan pertandingan anyam ketupat.

Pada tahun 2023 adalah tahun keramat untuk Perpustakaan UNISEL kerana telah memenangi pertandingan gerai paling awesome di Kampus Bestari Jaya. Ini adalah kali pertama Perpustakaan UNISEL memenangi pertandingan ini. Pertandingan ini dijuri melalui elemen kreativiti perhiasan gerai dan keseragaman mengikut tema pertandingan. Semua staf UNISEL meraikan Majlis Sambutan Aidilfitri 2023 ini dengan ceria dan gembira berkonseptkan warna warni Aidilfitri. Semoga berjumpa lagi dalam Majlis Sambutan Aidilfitri tahun hadapan.



LITERASI MEDIA SOSIAL

Pada era globalisasi ini, kemajuan teknologi yang merentas masa dan jarak yang dahulunya mustahil tetapi kini tidak lagi telah mewujudkan pelbagai teknologi yang berkait rapat dengan kehidupan kita. Antaranya adalah laman media sosial di mana kita boleh bersosial atau berhubung dengan seseorang dengan hanya menggunakan teknologi seperti telefon pintar dan jalur lebar pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Corak perhubungan manusia sudah tiada penghalang kerana kita mam-

pu menghubungi secara "real time" atau bermaksud masa sebenar hasil daripada kemajuan aplikasi yang dibangunkan bagi memudahkan komunikasi dan perhubungan antara manusia. Pewujudan aplikasi-aplikasi sosial media ini telah memberi pelbagai faedah kepada pengguna-penggunanya.

Kepesatan teknologi penyebaran maklumat pada hari ini menuntut masyarakat pengguna untuk menjadi lebih bijak dalam menguruskan kebergnatungan mereka terhadap penyebaran isu di laman sosial. Sebolehnya, masyarakat perlu terlebih dahulu membuat pengesahan

sebelum mempercayai berita maupun isu yang tersebar itu, sama ada benar ataupun sebaliknya. Penggunaan media sosial yang murah dan mudah untuk digunakan, menjadikannya medium pilihan oleh pelbagai lapisan masyarakat berbanding medium komunikasi lain. Malah, penggunaanya juga meningkat secara mendadak kerana kemudahan yang boleh didapati dengan cepat dan mudah. Ini secara tidak langsung menunjukkan bilangan penyertaan masyarakat secara atas talian adalah meluas, dan aktif pengguna. Media sosial me-

mainkan peranan yang sangat besar dan memberi impak yang signifikan dalam menyebarkan isu-isu kontroversi yang berlaku di seluruh negara. Sehingga hari ini, terdapat banyak isu tersebar di media sosial namun, tidak semua kebenarannya dapat dibuktikan. Perkembangan teknologi yang semakin maju, menjadikan pengguna media sosial seharusnya memahami fungsi dan peggunaannya. Oleh itu, pent-

lebih lagi apabila dengan adanya kepelbagaian teknologi media baharu, tahap literasi media yang tinggi sangat diperlukan bagi membolehkan masyarakat menjadi lebih peka dalam setiap perkara yang berlaku. Tambahan pula, dengan kepelbagaian medium yang ada, masa yang diluangkan oleh individu terhadap media semakin meningkat. Justeru, literasi media akan terus berkembang dan berubah disebab-

lukan dalam kehidupan masyarakat yang majmuk. Kesedaran literasi ini selaras dengan kemampuan strategik yang harus dimiliki oleh setiap individu. Ini sangat penting kerana mengelakkan pengaruh buruk yang disebabkan oleh media. Pada era digital hari ini, perkembangan kebebasan dalam menyatakan pendapat dan penyebaran maklumat di media sosial khususnya instagram merupakan medium bagi masyarakat untuk menyuarakan hujah mereka.

social media literacy for change



ingnya pengetahuan atau pemahaman mengenai celik media di kalangan masyarakat pengguna teknologi pada hari ini. Literasi atau celik media tentang media akan memudahkan para pembaca berita dan pengguna media untuk memilih dan menyusun berita yang benar ataupun palsu. Lebih-

kan oleh tindak balas terhadap perubahan budaya dan sosial masyarakat.

Kepentingan kesedaran literasi media bukan sahaja memfokuskan kepada keupayaan seseorang untuk membaca, menulis dan mempunyai kemahiran komputer sahaja. Malah, ianya juga diper-

Sama ada maklumat yang diperolehi mengandungi nilai positif maupun negatif, perkara yang paling penting ialah komuniti berupaya untuk mengeluarkan aduan di media sosial. Terdapat banyak kesan yang berlaku hasil daripada corak tingkah laku masyarakat yang kerap kali menggunakan media sosial sebagai



medium untuk seseorang memberikan pendapat mereka. Bermula daripada kes buli di laman media sosial antaranya buli siber, fitnah, propaganda, pertikaian di antara negara dan penyebaran kandungan lucah yang mengakibatkan kes jenayah seksual yang meluas dan menakutkan disebabkan oleh penggunaan media sosial yang diluar kawalan.

Kemahiran literasi media, etika dan pengendalian diri juga perlu ada dalam diri setiap individu pengguna media. Malah, pengguna media sosial harus peka dan perihatin mengenai tatatertib penggunaan media dengan berlandaskan etika yang telah termaktub. Dalam erti kata

lain, etika merupakan sebuah panduan yang harus diikuti bagi memastikan kesejahteraan pengguna media sosial terjamin. Sekurang-kurangnya, individu mendapat pendedahan awal mengenai etika penggunaan media sosial yang sekaligus dapat memberi kesadaran akan tingkahlaku yang beretika semasa media sosial digunakan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, etika dalam berkomunikasi menggunakan media harus diberi tumpuan terhadap kejujuran dan terus terang, hubungan harmoni, penyampaian mesej yang betul, agar dapat mengesan penipuan, serta mengcam konsistensi antara mesej

lisian dan bukan lisian bagi menge-lakkan pengguna menjadi mangsa jenayah siber.

Kesimpulannya, penggunaan laman media sosial dengan bijak mampu memberikan faedah yang berganda kepada kehidupan kita. Penerapan etika yang baik dan mempelajari pendekatan interaktif dalam aplikasi-aplikasi media sosial adalah perkara utama dalam memanfaatkan laman media sosial. Marilah kita bersama-sama mengatur langkah menjadi rakyat yang bijak dalam menggunakan teknologi agar dapat melahirkan negara yang berdaya saing dan kompetitif dalam era kemajuan globalisasi ini.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



15 Mei 2023 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.). Dihadiri oleh 50 orang pelajar dari Fakulti Perniagaan dan Perakaunan dan pensyarah Puan Nazirah Abdul Rohman.


17 MEI 2023 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.). Dihadiri oleh 14 orang pelajar untuk subjek IAD3162 - Final Year Project I (Diploma) dari Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Perkomputeran dan pensyarah Encik Zahrul Azwan bin Absl Kamarul Adzhar.



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



17 MEI 2023 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.). Dihadiri oleh 43 orang pelajar untuk subjek IAS3232 - Final Year Project I (Ijazah Sarjana Muda) dari Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Perkomputeran dan pensyarah Encik Zahrul Azwan bin Absl Kamarul Adzhar.




22 MEI 2023 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.). Dihadiri oleh 48 orang pelajar untuk subjek EES1114- Strategi Pembelajaran dan Kemahiran Belajar dan pensyarah Ustazah Aisah.



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



23 MEI 2023 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.). Dihadiri oleh 46 orang pelajar dari Fakulti Perniagaan dan Perakaunan dan pensyarah Puan Erni Tanius.



24 MEI 2023 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.). Dihadiri oleh 41 orang pelajar untuk subjek ECS3343 - Pengurusan Pusat Sumber dan pensyarah Puan Fadliah Darini.



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



24 MEI 2023 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.). Dihadiri oleh 43 orang program FTSEL dan pensyarah Dr. Intan Faraha A Ghani.



12 JUN 2023 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.). Dihadiri oleh 53 orang program FTSEL dan pensyarah Pn. Noor Fazreen Dzulkafii.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



21 JUN 2023 | Program Literasi Maklumat, Online Databases & Free Access Collection for Literature. Dihadiri oleh 43 orang pelajar program ISM Pendidikan Pengajian Islam dan pensyarah Pn. Noor Fadhzana Mohd Noor.

ALBUM PELAWAT & LAWATAN



16 MEI 2023 | Lawatan tapak oleh JPAPP utk projek alih rak meja kerusi.



24 MEI 2023 | Lawatan dari pelajar kursus ECS3343 - Pengurusan Pusat Sumber ke setiap unit. Lawatan ini adalah berkaitan skop tugas dan tanggungjawab unit-unit di Perpustakaan UNISEL yang disampaikan oleh ketua unit setiap unit.

ALBUM PELAWAT & LAWATAN




19 JUN 2023 | Lawatan panel MQA bagi Program Sarjana Pendidikan



20 JUN 2023 | Lawatan panel MQA bagi Program Asas Sastera.

ULASAN BUKU



Judul:	Generasi Muda: Cabaran dan Dakwah
Penulis:	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
ISBN:	9789832381464
No. Panggilan:	BP188.3 .G47 2016
Lokasi:	Kampus Shah Alam dan Kampus Bestari Jaya
Tahun Terbitan:	2016
Edisi:	-



Buku Generasi Muda: Cabaran dan Dakwah ini mengetengahkan persoalan yang berkaitan dakwah dan generasi muda masa kini. Melalui pembacaan ini, kita akan diperlihatkan tentang kepentingan dan peranan generasi muda dalam penyebaran dakwah dan bagaimana untuk membangun dan meperkasakan generasi tersebut pada masa sekarang dan akan datang. Buku yang ditulis dengan bahasa yang mudah di fahami dan ilustrasi serta data yang berwarna ini amat menarik sebagai pembacaan semua golongan.

(Ulasan dari buku "Generasi Muda: Cabaran dan Dakwah" -2016)

Title:	Easy guide to health and safety
Edited by:	Phil Hughes & Liz Hughes
ISBN:	9780750669542
Call No:	T55 .H64 2008
Location:	2nd Floor, Shah Alam Campus
Year of Publication:	2008
Edition:	-



Whether you are running a garage or a hair salon, a nursing home or a plant nursery, or indeed any one of the thousands of small businesses that are part of the fabric of Britain today, this is the book for you...
The book is also suitable for students on IOSH Working safely...

(Sources from about of book "Easy guide to health and safety by Hughes, Phil")



Title:	Inspiring Motivation in Children and Youth: How to Nurture Environments for Learning
Edited by :	David A. Bergin
ISBN:	9781003046516
Call No:	BF723.M56 .B47 2023
Location:	Shah Alam campus and Bestari Jaya Campus
Year of Publication:	2023
Edition:	-



Inspiring Motivation in Children and Youth: How to Nurture Environments for Learning explores motivation and its crucial role in promoting well-being in the classroom and life beyond school. It will help all those who work with children and youth to understand and improve their motivation, and to create nurturing environments for younger people.


(Sources from website "<https://www.routledge.com/Inspiring-Motivation-in-Children-and-Youth-How-to-Nurture-Environments/Bergin/p/book/9780367495411>")

Title:	Reaping Rewards as If Living For 7000 Years
Edited by :	Al-Ustadz As-Sayyid Ahmad Haris As-Suhaimi
ISBN:	978981110139
Call No:	BP166.8.A235 2016
Location:	1st Floor, Shah Alam Campus
Year of Publication:	2016
Edition:	-



The collection of verses from the Quran and the hadith of the Prophet clearly show that such a large reward promised to the Ummah of Prophet Muhammad so they can achieve the reward similar to living for 7000 years or more! These topics rarely discussed in the community. Among the topics discussed are: How to earn great rewards with a little practice that is equivalent to living a thousand years in this world, at the same time getting a high rank in the Hereafter.


(Sources from website "<https://www.amazon.com/Reaping-Rewards-Living-7000-Years/dp/981110131>")



E-RESOURCES

GALE unisel unisel library

ACADEMIC ONEFILE



More than 18,000 periodicals including 12,500 peer-reviewed journals

Business & Management - Communication & Mass Media - Education - Engineering - Information Technology - Computer Science - Environmental Science - Health Sciences and others

Need any help, please come to the library, send us an email or call us

Multi-disciplinary
Click for easy access to articles aligned to major topics of study

User friendly platform
Spend less time searching and more time digging in

Rich in content
More than 20,000 titles available, with scholarly and peer-reviewed journals

BESTARI JAYA CAMPUS
PN.NUR ADNA BINTI RODUAN
nur_adna@unisel.edu.my
+603- 3280 5081

SHAH ALAM CAMPUS
EN.ZAIRIL AZWAN BIN OSMAN
zairil@unisel.edu.my
+603- 5522 3596

Unisel Library
<http://library.unisel.edu.my>

Academic OneFile

Emerald Publishing Limited

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
Bestari Jaya Campus
Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
03-32805081

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
03-55223596

unisel library    

emerald insight
Education eJournals
2023



Click HERE to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have contributed to the latest research:

- Educational administration and leadership
- Vocational education and training
- Higher education
- Sustainability in higher education
- Technology in education
- Early childhood education
- Curriculum development and assessment
- Learning and teaching
- Work-based learning
- Distance learning

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

emerald PUBLISHING

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
Bestari Jaya Campus
Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
03-32805081

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
03-55223596

unisel library    

emerald insight
HR, Learning & Organization Studies eJournals
2023



Click HERE to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have contributed to the latest research:

- The future of trade unions
- Performance management
- Organisational culture
- Work engagement
- Job satisfaction
- Cross cultural employment
- Workplace diversity
- Workforce planning
- Learning and development
- The impact of Brexit on the labour force

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

emerald PUBLISHING

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
Bestari Jaya Campus
Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
03-32805081

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
03-55223596

unisel library    

emerald insight
Business, Management & Strategy eJournals
2023



Click HERE to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have contributed to the latest research:

- Management for performance
- Strategic orientation
- Business ethics
- Innovation and entrepreneurial strategies
- Organizational behaviour
- Business ethics and law
- Conflict resolution in business
- Business leadership
- Emerging markets
- Family business

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

emerald PUBLISHING



unisel library

CONNECT WITH US

- <http://library.unisel.edu.my>
- sirkulasi@unisel.edu.my
- Chat with a Librarian

If you have a question or need help with your research or assignment or want to keep up to date with latest news & updates

03-55223566 CUSTOMER SERVICE SHAH ALAM CAMPUS	03-55223596 REFERENCE SERVICE SHAH ALAM CAMPUS
03-32805081/5080 BJ CAMPUS	

<http://library.unisel.edu.my> **unisel library** FOLLOW US:UNISEL LIBRARY